

Triple Role: Suatu Penyingkapan Peranan dan Kerja Wanita

ABSTRACT

Peranan wanita kerap diperkecilkan skopnya. Kertas kerja ini cuba menghuraikan tugas wanita dengan merentasi definisi aktiviti produktif yang sebelum ini bertindak menjadi ukuran mutlak kepada nilai kerja yang dilakukan oleh seseorang, terutamanya wanita. Untuk tujuan itu, perbincangan memberi tumpuan kepada konsep "triple role" yang dihuraikan oleh O.N. Caroline Moser (1989 dan 1993), yakni pengurus rumahtangga (peranan reproduktif), pencari nafkah (peranan produktif), dan menguruskan komuniti untuk memahami sepenuhnya peranan seorang wanita dalam masyarakat. Jika setakat ini pihak kerajaan Malaysia, juga pertubuhan buruh antarabangsa, hanya mengiktiraf kerja yang mempunyai pulangan wang sebagai satu pekerjaan, maka sudah sampai masanya pentakrifan ini, terutamanya yang menyentuh tugas dan kerja seorang perempuan, dinilai semula bagi memastikan kesamarataan dapat dirasai oleh kedua-dua gender ini. Pendefinisian yang dangkal tentang kerja wanita akan merugikan, seterusnya memberi gambaran bahawa lelaki lebih penting berbanding wanita. Walhal, kedua janitna ini saling bergantung dan melengkap. Usaha mendefinisi dan pentakrifan semula, misalnya melalui konsep "triple role", memperlihatkan betapa pentingnya peranan dan kerja wanita difahami dan diiktiraf. Ini signifikan, khususnya dalam konteks masyarakat moden yang mengiktiraf kesamarataan hak, peluang, dan layanan dari segi gender, etnik/ras, dan kelas untuk mewujudkan masyarakat madani yang maju.